

**Embargo sehingga jam 1200,
Jumaat, 5 Januari 2018**

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN NOVEMBER 2017 DAN TEMPOH JANUARI–NOVEMBER 2017 #

Eksport Cecah Rekod Bulanan Tertinggi Pada November 2017

Jumlah perdagangan Malaysia pada November 2017 melonjak 14.8% kepada RM157.05 bilion berbanding November 2016. Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh perdagangan dengan ASEAN, Kesatuan Eropah (EU), China, Hong Kong SAR, Republik Korea (ROK), Amerika Syarikat (AS) dan Taiwan.

Eksport pada November 2017 berkembang 14.4% kepada RM83.5 bilion, **nilai eksport bulanan tertinggi yang pernah dicatatkan setakat ini melepasi jumlah RM82.62 bilion yang direkodkan pada bulan Mac 2017**. Import meningkat 15.2% kepada RM73.55 bilion. Lebihan dagangan bernilai RM9.95 bilion, merupakan yang ke-241 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang 1.9%, 1.5% dan 2.4%.

Jumlah perdagangan pada sebelas bulan pertama tahun 2017 bernilai RM1.622 trilion, berkembang 20.8% berbanding tempoh yang sama tahun 2016. Eksport berjumlah RM856.05 bilion, meningkat 20.4% manakala import berada pada nilai RM766.07 bilion, tumbuh 21.2%. Lebihan dagangan sebanyak RM89.98 bilion direkodkan, naik 13.6% berbanding tempoh yang sama tahun 2016. Kesemua **nilai perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan bagi tempoh sebelas bulan pertama tahun 2017 telah melepasi nilai yang dicatatkan pada keseluruhan tahun 2016**.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Barangan Perkilangan Pacu Pertumbuhan Eksport

Eksport **barangan perkilangan** pada November 2017 meningkat 18.2% atau RM10.63 bilion kepada RM68.98 bilion berbanding November 2016, merangkumi 82.6% daripada jumlah eksport Malaysia. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E) serta kimia dan bahan kimia, di mana secara kolektif menyumbang 55% kepada jumlah eksport barangan perkilangan. Kesemua subsektor mencatatkan pertumbuhan eksport kecuali barangan makanan diproses dan barang kemas.

Eksport **hasil galian** berkurang 0.9% kepada RM7.04 bilion, menyumbang 8.4% kepada jumlah eksport Malaysia. Pengurangan ini disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport bijih logam dan serpihan logam serta petroleum mentah. Eksport gas asli cecair (LNG), bagaimanapun meningkat 7.5% berikutan kenaikan kuantiti.

Eksport **keluaran pertanian** menurun 2.5% kepada RM6.73 bilion, dengan syer sebanyak 8.1% daripada jumlah eksport disebabkan terutamanya oleh penyusutan eksport minyak sawit sebanyak 2.1%, kesan kejatuhan Nilai Unit Purata (AUV) dan kuantiti.

Barangan eksport utama pada **November 2017** adalah seperti berikut:

- Barangan E&E bernilai RM31.69 bilion, merangkumi 38% daripada jumlah eksport, meningkat 21% berbanding November 2016;
- Kimia dan bahan kimia, RM6.26 bilion, 7.5% daripada jumlah eksport, meningkat 20.2%;
- Keluaran petroleum, RM5.28 bilion, 6.3% daripada jumlah eksport, naik 1.2%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM4.65 bilion, 5.6% daripada jumlah eksport, mengurang 5.2%; dan
- Barangan perkilangan logam, RM3.66 bilion, 4.4% daripada jumlah eksport, naik 20.8%.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport barangan perkilangan dan hasil galian masing-masing meningkat sebanyak 1.5% dan 5.1%, manakala keluaran pertanian mengurang 3.5%.

Bagi tempoh sebelas bulan pertama tahun 2017, eksport **barangan perkilangan** meningkat 20.3% kepada RM703.08 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2016, disumbangkan oleh kenaikan eksport barangan E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, keluaran getah serta barangan besi dan keluli. Eksport **hasil galian** naik 25.6% kepada RM72.41 bilion, disumbang oleh peningkatan eksport LNG berikutan kenaikan AUV dan kuantiti serta peningkatan eksport petroleum mentah yang disumbang oleh kenaikan AUV. **Kesemua barangan di bawah sektor hasil galian merekodkan pertumbuhan pada tempoh tersebut.** Eksport **keluaran pertanian** naik 13% kepada RM72.11 bilion, disumbang oleh peningkatan eksport minyak sawit dan getah asli, berikutan kenaikan AUV.

Prestasi Pasaran Utama

Pertumbuhan Eksport yang Menyeluruh ke ASEAN

Pada bulan November 2017, perdagangan dengan ASEAN berkembang 21.9% kepada RM44.22 bilion, berbanding November 2016, merangkumi 28.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport meningkat 18.3% kepada RM24.72 bilion dengan **pertumbuhan dua digit dicatatkan pada semua sektor utama. Prestasi eksport yang kukuh telah direkodkan bagi barangan E&E** yang meningkat 30.3% atau RM1.96 bilion. Eksport barangan lain yang turut meningkat adalah kimia dan bahan kimia, kelengkapan pengangkutan, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari ASEAN melonjak 26.7% kepada RM19.5 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN pada November 2017 adalah seperti berikut:

- Singapura RM 12.22 bilion, **meningkat** 16.8%
- Thailand RM 4.58 bilion, ↑18.2%
- Indonesia RM 3.39 bilion, ↑34.8%

- Viet Nam RM 2.40 bilion, ↑5.0%
- Filipina RM 1.49 bilion, ↑41.2%
- Myanmar RM 335.8 juta, ↓21.8%
- Brunei RM 192.6 juta, ↑6.5%
- Kemboja RM 109.0 juta, ↑32.9%
- Lao PDR RM 4.4 juta, ↓31.1%

Eksport ke **Singapura** meningkat RM1.76 bilion, disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport barangan E&E. Eksport ke **Thailand** berkembang RM703.8 juta berikutan kenaikan eksport barangan E&E manakala eksport ke **Indonesia** meningkat RM875.4 juta, berikutan kenaikan eksport kelengkapan pengangkutan. Eksport ke **Viet Nam** juga meningkat, sebanyak RM114.4 juta disumbang oleh kenaikan eksport barangan perkilangan logam.

Perbandingan bulan ke bulan, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing meningkat sebanyak 3.3%, 0.6% dan 2.1%.

Pada tempoh Januari-November 2017, perdagangan dengan ASEAN mengekalkan momentum yang kukuh dengan pertumbuhan 22.9% kepada RM448.65 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2016. Eksport ke rantau ini meningkat 19.9% kepada RM251.04 bilion dengan kesemua pasaran mencatatkan pertumbuhan kecuali Lao PDR. **Kesemua sektor utama mencatatkan peningkatan dua digit eksport** dengan pertumbuhan direkodkan bagi barangan E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, kelengkapan pengangkutan, petroleum mentah, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan optik dan saintifik. Import meningkat 27% kepada RM197.61 bilion.

Eksport Kekal Kukuh ke China

Pada November 2017, perdagangan dengan China meningkat 8.2% kepada RM26.65 bilion, merangkumi 17% daripada jumlah perdagangan Malaysia. **Eksport berkembang 3.3% kepada RM11.3 bilion**, dipacu oleh kenaikan eksport barangan E&E, keluaran getah, kimia dan bahan kimia serta LNG. Import dari China meningkat 12.1% kepada RM15.35 bilion.

Berbanding Oktober 2017, import dan jumlah perdagangan masing-masing naik 13.2% dan 6.5%, manakala eksport mengurang 1.3%.

Perdagangan dengan China pada tempoh Januari-November 2017 berkembang 22.3% kepada RM264.61 bilion berbanding tempoh yang sama 2016. Eksport ke China melonjak 29.7% kepada RM114.62 bilion, berikutan peningkatan eksport barangan E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, keluaran getah, LNG serta barangan optik dan saintifik. Import dari China meningkat 17.2% kepada RM150 bilion.

EU – Barangan Perkilangan Pacu Eksport

Perdagangan Malaysia dengan EU pada bulan November 2017 bernilai RM15.22 bilion atau 9.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 15.7% berbanding November 2016. Pertumbuhan dua digit eksport dicatatkan sebanyak 12.4% kepada RM8.15 bilion, **didorong terutamanya oleh kenaikan eksport barangan perkilangan** khasnya barangan E&E yang meningkat 15.6% kepada RM4.32 bilion. Subsektor barangan perkilangan yang turut mencatatkan peningkatan adalah barangan perkilangan logam, keluaran getah, barangan besi dan keluli, jentera, kelengkapan dan peralatan, kimia dan bahan kimia serta kelengkapan pengangkutan. Import meningkat 19.7% kepada RM7.07 bilion.

Kesemua 10 pasaran utama EU mencatatkan kenaikan eksport dengan 6 daripadanya merekodkan pertumbuhan dua digit, iaitu **United Kingdom** (↑11.4%), **Perancis** (↑19.8%), **Itali** (↑26.1%), **Sepanyol** (↑12.2%), **Hungary** (↑78.4%) dan **Republik Czech** (↑28.4%). **Slovenia** terus merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 150.2% atau RM118.9 juta berbanding November 2016.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing berkembang sebanyak 3.3%, 0.4% dan 1.9%.

Bagi tempoh sebelas bulan pertama tahun 2017, perdagangan dengan EU mencatatkan pertumbuhan sebanyak 16.7% kepada RM157.56 bilion berbanding

tempoh yang sama tahun 2016. **Eksport ke EU meningkat 20.2% kepada RM86.94 bilion**, disumbang oleh kenaikan eksport bagi barangan E&E, barangan besi dan keluli, keluaran getah, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta barangan optik dan saintifik. Import dari EU naik 12.7% kepada RM70.62 bilion.

E&E Terus Pacu Eksport ke AS

Perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat pada November 2017 meningkat 10.6% kepada RM12.68 bilion dan menyumbang 8.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia. **Eksport berkembang 13.4% kepada RM7.56 bilion berikutan peningkatan eksport barangan perkilangan dan hasil galian yang lebih tinggi.** Penyumbang utama kepada kenaikan adalah barangan E&E, meningkat 7.7%, menyumbang 54.1% daripada jumlah eksport Malaysia ke Amerika Syarikat. Barangan lain yang mencatatkan pertambahan eksport adalah keluaran getah, kimia dan bahan kimia serta petroleum mentah. Import meningkat 6.8% kepada RM5.12 bilion.

Berbanding Oktober 2017 eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing mengurang 5.8%, 4.1% dan 5.1%.

Pada tempoh Januari-November 2017, perdagangan dengan Amerika Syarikat berkembang 18.1% kepada RM145.92 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2016. Eksport ke Amerika Syarikat naik 11.9% kepada RM81.74 bilion dengan **eksport kesemua sektor utama mencatatkan pertumbuhan.** Eksport yang lebih tinggi direkodkan bagi barangan E&E, keluaran getah, kimia dan bahan kimia, jentera, kelengkapan dan peralatan, barangan besi dan keluli serta barangan optik dan saintifik. Import dari Amerika Syarikat meningkat 27.1% kepada RM64.18 bilion.

Barangan Perkilangan & Hasil Galian Ungguli Eksport ke Jepun

Perdagangan dengan Jepun pada November 2017 berkembang 7% tahun ke tahun kepada RM12.07 bilion, merangkumi 7.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke Jepun meningkat 6.7% kepada RM6.53 bilion. Pertumbuhan ini **disokong**

terutamanya oleh eksport barangan perkilangan dan hasil galian di mana masing-masing menyumbang 61.8% dan 33.6% kepada jumlah eksport Malaysia ke Jepun. Subsektor yang mendorong kepada kenaikan ini adalah barangan perkilangan logam, LNG, keluaran petroleum, barangan besi dan keluli serta barangan E&E. Import naik 7.3% kepada RM5.55 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport dan jumlah perdagangan masing-masing meningkat 10% dan 4.7%, manakala import mengurang 0.9%.

Bagi tempoh sebelas bulan pertama tahun 2017, perdagangan dengan Jepun berjumlah RM126.67 bilion, meningkat 15.7% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport ke Jepun meningkat 18.7% kepada RM68.48 bilion, dengan **pertumbuhan direkodkan pada semua sektor utama**. Eksport yang lebih tinggi dicatatkan bagi barangan E&E, LNG, kimia dan bahan kimia, keluaran petroleum, barangan besi dan keluli, tekstil, pakaian dan kasut, keluaran getah, barangan kayu serta petroleum mentah. Import dari Jepun meningkat 12.4% kepada RM58.19 bilion.

Perdagangan Kukuh dengan Rakan Dagang FTA

Pada November 2017, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) berkembang 15.9% tahun ke tahun, kepada RM101.59 bilion dan merangkumi 64.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke negara rakan dagang FTA bernilai RM53.67 bilion, naik 14.2% manakala import berkembang 18% kepada RM47.92 bilion.

Eksport ke **Australia** tumbuh 22% kepada RM3.3 bilion, disumbang oleh kenaikan eksport keluaran petroleum, **Turki** (↑14% kepada RM772.6 juta, barangan perkilangan logam), **ROK** (↑82.1% kepada RM3.33 bilion, barangan E&E), **Pakistan** (↑10.7% kepada RM464.5 juta, barangan perkilangan logam) dan **Chile** (↑4.2% kepada RM63.3 juta, keluaran getah).

Berbanding Oktober 2017, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 4.1%, 4.8% dan 3.2%.

Pada tempoh Januari-November 2017, jumlah perdagangan dengan rakan dagang FTA meningkat 21.7% kepada RM1.029 trilion, merangkumi 63.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport bernilai RM540.44 bilion, naik 22.1% dan import berjumlah RM488.65 bilion, berkembang sebanyak 21.3%. **Kenaikan eksport direkodkan ke kesemua rakan dagang FTA kecuali Lao PDR.**

Prestasi Import

Pada November 2017, import meningkat 15.2% tahun ke tahun, kepada RM73.55 bilion. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM40.39 bilion atau 54.9% daripada jumlah import, meningkat 13.8%, berikutan kenaikan import bekalan industri diproses, khususnya artikel tembaga;
- **Barang modal**, bernilai RM10.29 bilion atau 14% daripada jumlah import, meningkat 12.2%, disumbang oleh peningkatan import barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) terutamanya jentera dan perkakasan mekanikal; dan
- **Barang penggunaan**, berjumlah RM6.55 bilion atau 8.9% daripada jumlah import, naik 6.6%, hasil kenaikan import barangan makanan dan minuman diproses khusus untuk penggunaan isi rumah, terutamanya daging yang boleh dimakan.

Pada tempoh sebelas bulan pertama tahun 2017, import bernilai RM766.07 bilion, meningkat 21.2% berbanding tempoh yang sama tahun 2016. **Barang pengantara** bernilai RM440.61 bilion, meningkat 22.2%, **barang modal** (RM103.55 bilion, ↑13.5%) dan **barang penggunaan** (RM64.82 bilion, ↑7%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai "barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Jumaat, 5 Januari 2018 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

+ *Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).*

Data bulan November 2017 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan September 2015, terdapat perubahan kecil pada pemilihan kod bagi eksport dan import bagi barangan/komoditi utama dan terpilih mengikut sektor

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah</u> <u>Ekspor</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)
2016^f				
Januari	61,850.8	56,455.2	5,395.6	118,306.0
Februari	56,716.7	49,365.9	7,350.7	106,082.6
Mac	66,555.0	55,391.0	11,164.0	121,946.0
April	61,319.2	52,285.6	9,033.6	113,604.8
Mei	59,990.4	56,772.6	3,217.8	116,763.1
Jun	66,508.3	60,926.5	5,581.8	127,434.8
Julai	60,067.3	57,967.6	2,099.7	118,034.9
Ogos	67,667.6	59,044.7	8,622.9	126,712.3
September	68,182.1	60,468.8	7,713.3	128,650.9
Oktober	69,334.2	59,452.0	9,882.2	128,786.3
November	72,971.0	63,857.6	9,113.5	136,828.6
Disember	75,801.5	66,831.1	8,970.4	142,632.6
2016 (Jan-Dis)^f	786,964.2	698,818.7	88,145.5	1,485,782.8
2017^P				
Januari	70,269.8	65,529.6	4,740.2	135,799.5
Februari	71,793.4	63,061.0	8,732.4	134,854.5
Mac	82,624.8	77,224.6	5,400.2	159,849.4
April	73,871.7	65,213.5	8,658.2	139,085.2
Mei	79,418.1	73,901.0	5,517.1	153,319.2
Jun	73,083.1	63,191.4	9,891.7	136,274.4
Julai	78,628.4	70,591.7	8,036.8	149,220.1
Ogos	82,304.2	72,294.4	10,009.8	154,598.5
September	78,258.1	69,654.2	8,603.8	147,912.3
Oktober	82,293.4	71,851.6	10,441.8	154,145.0
November	83,501.7	73,552.9	9,948.8	157,054.7
2016 (Jan-Nov)^f	711,162.7	631,987.6	79,175.1	1,343,150.3
2017 (Jan-Nov)^P	856,046.8	766,066.0	89,980.9	1,622,112.8

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	Nov 2017 ^p	Okt 2017 ^p	Nov 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	83,501.7	82,293.4	72,971.0
Barangan Elektrik & Elektronik	31,694.1	31,129.9	26,186.4
Kimia & Bahan Kimia	6,261.2	5,974.6	5,210.3
Keluaran Petroleum	5,275.8	6,197.7	5,215.7
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	4,652.6	4,975.0	4,905.3
Barangan Perkilangan Logam	3,662.8	3,395.1	3,031.3
LNG	3,477.0	2,928.7	3,233.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,381.2	3,182.5	3,115.1
Barangan Optik & Sainifik	2,879.7	3,095.9	2,499.6
Petroleum Mentah	2,433.5	2,854.7	2,511.1
Keluaran Getah	2,321.2	2,099.9	1,694.5

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	Nov 2017 ^p	Okt 2017 ^p	Nov 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	83,501.7	82,293.4	72,971.0
Singapura	12,217.4	11,304.3	10,460.5
China	11,298.7	11,453.3	10,939.4
AS	7,555.7	8,017.3	6,665.7
Jepun	6,527.5	5,932.1	6,118.4
Hong Kong SAR	5,053.3	5,151.8	3,231.8
Thailand	4,579.1	4,879.1	3,875.2
Indonesia	3,387.4	3,241.7	2,512.1
ROK	3,328.5	2,425.7	1,828.1
Australia	3,303.7	2,681.0	2,708.4
India	2,824.7	2,590.4	2,946.7

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - NOVEMBER)

Barangan	Jan-Nov 2017 ^p	Jan-Nov 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	856,046.8	711,162.7
Barangan Elektrik & Elektronik	314,272.2	260,777.3
Keluaran Petroleum	65,848.1	48,894.2
Kimia & Bahan Kimia	62,587.7	53,463.5
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	49,745.1	43,857.6
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	37,076.0	34,467.6
LNG	36,380.9	28,818.8
Barangan Perkilangan Logam	34,574.5	30,424.4
Barangan Optik & Sainifik	29,583.7	26,059.6
Petroleum Mentah	25,259.2	19,781.4
Keluaran Getah	24,172.7	18,190.5

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - NOVEMBER)

Pasaran	Jan-Nov 2017 ^p	Jan-Nov 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	856,046.8	711,162.7
Singapura	124,995.1	103,500.6
China	114,617.6	88,357.4
AS	81,740.1	73,056.8
Jepun	68,483.2	57,684.5
Thailand	46,484.4	39,886.9
Hong Kong SAR	42,545.0	34,033.4
Indonesia	32,259.6	25,238.1
India	31,954.5	29,231.1
Australia	29,877.6	24,031.7
ROK	25,379.6	20,207.6

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	Nov 2017 ^P	Okt 2017 ^P	Nov 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	73,552.9	71,851.6	63,857.6
Barangan Elektrik & Elektronik	22,453.8	21,759.4	18,365.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	7,300.8	6,898.2	6,178.7
Kimia & Bahan Kimia	6,992.7	6,745.0	5,804.7
Keluaran Petroleum	6,670.2	7,183.0	5,143.7
Barangan Perkilangan Logam	4,059.1	3,819.6	3,487.4
Kelengkapan Pengangkutan	3,056.6	3,258.3	3,588.3
Barangan Besi & Keluli	2,537.2	2,252.1	2,107.6
Barangan Optik & Saintifik	2,078.6	2,206.9	1,973.1
Barangan Makanan Diproses	1,849.5	1,820.4	1,807.3
Tekstil, Pakaian & Kasut	1,607.1	1,410.5	1,668.7

JADUAL 7: PASARAN UTAMA IMPORT

Pasaran	Nov 2017 ^P	Okt 2017 ^P	Nov 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	73,552.9	71,851.6	63,857.6
China	15,353.2	13,567.9	13,690.4
Singapura	8,842.3	9,102.6	6,264.4
Jepun	5,545.0	5,595.8	5,166.2
AS	5,123.6	5,341.3	4,796.9
Taiwan	4,987.8	4,674.3	3,923.3
Thailand	4,183.6	3,978.3	3,853.1
Indonesia	3,476.7	3,091.0	2,750.5
ROK	3,010.3	3,126.8	2,987.7
Jerman	2,590.7	2,938.4	2,089.0
India	2,427.7	2,457.6	1,448.9

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI - NOVEMBER)

Barangan	Jan-Nov 2017 ^p	Jan-Nov 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	766,066.0	631,987.6
Barangan Elektrik & Elektronik	231,475.6	189,807.3
Kimia & Bahan Kimia	73,177.3	61,856.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	71,958.7	58,615.5
Keluaran Petroleum	69,773.7	47,056.8
Barangan Perkilangan Logam	39,891.7	35,363.9
Kelengkapan Pengangkutan	37,232.1	38,437.7
Barangan Besi & Keluli	25,148.2	20,538.2
Barangan Optik & Saintifik	22,888.8	19,894.4
Barangan Makanan Diproses	19,057.6	16,793.5
Tekstil, Pakaian & Kasut	16,194.1	16,469.4

JADUAL 9: PASARAN UTAMA IMPORT (JANUARI - NOVEMBER)

Pasaran	Jan-Nov 2017 ^p	Jan-Nov 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	766,066.0	631,987.6
China	149,997.0	127,978.4
Singapura	84,974.8	66,258.6
AS	64,182.3	50,492.6
Jepun	58,187.1	51,760.8
Taiwan	50,092.5	37,820.1
Thailand	44,101.0	38,352.5
Indonesia	34,992.5	26,467.1
ROK	33,872.5	33,744.3
India	24,659.3	14,995.2
Jerman	24,247.3	21,771.9

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia
 Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

f - data muktamad

p - data provisional

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2011-2017

